

Sila semak semasa dilafazkan

**UCAPAN YANG AMAT BERBAHAGIA  
DATO' SERI DR. SITI HASMAH BT HAJI MOHD. ALI  
DI MAJLIS PENUTUP KURSUS KHAS AHLI-AHLI BAKU  
ANJURAN BERSAMA BAKTI DAN INTAN  
DI DEWAN SRI BAIDURI, INTAN  
PADA HARI JUMAAT, 28 APRIL 2000  
JAM 4.00 PETANG**

---

Saya ingin mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada pihak penganjur kerana sekali lagi sudi mengundang saya ke Majlis pada petang ini untuk menutup "Kursus Khas Ahli-ahli BAKTI" anjuran bersama BAKTI dan INTAN.

2. Saya amat berbangga kerana kursus ini telah dapat di laksanakan dengan jayanya seperti mana yang diharapkan. Saya percaya kursus seumpama ini dapat terus di adakan dari masa ke semasa. Ianya adalah satu usaha ke arah meningkatkan lagi sumbangan dan memperkayakan pengalaman saudari-saudari sebagai isteri Menteri, Timbalan Menteri, dan Setiausaha Parlimen.

3. Senyuman manis yang terserlah di muka saudari-saudari tentunya harap bukan tanda "*Now That all is done and it's over, Let's go Home*"; tetapi saya rasa ianya tercetus daripada satu penemuan dalam diri saudari; satu keupayaan, satu visi dan tekad untuk terus berjaya dan menyumbang kepada kesejahteraan diri, keluarga, Organisasi dan negara.

4. Saya di fahamkan perbincangan yang panjang lebar dan percambahan fikiran antara saudari-saudari telah menghasilkan satu hasrat atau resolusi untuk meneruskan langkah-langkah yang bersesuaian bagi menghadapi cabaran-cabaran baru yang di bawa oleh perubahan semasa. Perubahan ini semestinya, memerlukan penilaian semula kepada pelbagai peranan murni yang saudari-saudari mainkan dalam kehidupan seharian. Sambutan positif ini yang telah

ditunjukkan dalam kursus ini adalah manifestasi keupayaan saudari-saudari secara individu dan kumpulan untuk menjadi tenaga penyumbang penting bukan sahaja kepada peningkatan kerjaya suami, malahan kepada keluarga, organisasi khususnya BAKTI dan negara.

5. Kejayaan saudari-saudari ini menunjukkan bahawa jika ada kemahuan, semua boleh dilakukan. Kecemerlangan akan lebih terserlah jika ia dilakukan dalam satu kumpulan yang bersepadu, bersefahaman serta diiringi dengan penuh keikhlasan.

6. Peranan saudari-saudari sebagai isteri pemimpin-pemimpin Politik tidak boleh di pandang mudah atau *"Taken for Granted"*. Sebagai *"the other half"*, peranan saudari-saudari boleh menjayakan atau menjadi penghalang kepada kerjaya suami. Seperti yang lazim di sebutkan *"Behind every man's success, there is no other woman but the wife"*. Kata-kata ini adalah benar dan banyak contoh-contoh nyata dapat kita lihat termasuk saudari-saudari sendiri. Oleh yang demikian, saya berharap kursus ini telah dapat memberi sumbangan ke arah meningkatkan keperihatinan saudari-saudari terhadap persekitaran dan kesannya kepada kerjaya suami.

7. Peranan saudari-saudari pada masa ini kian bertambah dan akan terus meningkat pada masa-masa akan datang di sebabkan pelbagai perubahan dan cabaran. Perubahan ini menuntut supaya saudari-saudari menjadi lebih proaktif dan dinamik dalam menangani cabaran-cabaran baru. Sebagai isteri pemimpin-pemimpin politik, saudari-saudari tidak dapat lari daripada menghadapi ekspektasi perkhidmatan ke atas suami saudari-saudari. Di sinilah saudari-saudari perlu melengkapkan diri dengan maklumat terkini serta menjadi lebih sensitif dan reponsif kepada perubahan. Ini dapat dilakukan melalui perbincangan dan percambahan fikiran seperti yang di laksanakan dalam kursus ini dan juga melalui daya kreatif yang ada pada diri saudari-saudari. Usaha-usaha seperti ini di samping dapat meningkatkan keupayaan dan keyakinan diri akan menyumbang secara langsung kepada peningkatan imej suami saudari-saudari di kacamata masyarakat.

8. Di negara kita, sudah pun terdapat penglibatan aktif wanita dalam semua sektor dan di semua lapisan. Sumbangan ini, semakin hari semakin meningkat dan terserlah. Peranan wanita sebagai pekerja, sebagai pengurus, sebagai ibu dan isteri adalah satu kejayaan kepada negara.

9. Saudari-saudari sebagai isteri Pemimpin-pemimpin politik harus berasa bersyukur dengan pelbagai peranan yang saudari-saudari mampu jayakan sama ada sebagai seorang isteri, ahli keluarga, ibu, ahli organisasi dan yang penting sekali ahli masyarakat. Saudari-saudari juga memainkan peranan sebagai "unofficial ambassador" semasa lawatan-lawatan rasmi atau bersama suami semasa di luar negara dan semasa melayan tetamu dari luar negara. Peranan tersebut mesti dilakukan secara terbaik demi negara, disamping suami tersayang. Saya pasti suami saudari-saudari juga berasa sedemikian.

10. *"Talking about wives, I am reminded of the words of someone who said that when the man becomes successful, his wife takes most of the credit and the government takes most of the cash".*

11. *Jokes aside, a good wife and good health are man's best friends.* Di zaman ini, baik dalam dunia politik mahupun persendirian, kewibawaan isteri adalah cermin penonjolan suami dan kedudukannya.

12. Untuk menjadi seorang isteri yang berketrampilan, seorang isteri mestilah mempunyai keupayaan pembinaan "*self esteem*" atau pembangunan sendiri yang merupakan proses pembangunan sahsiah diri. Cara hidup ini telah pun diungkapkan oleh Y.A.B. Perdana Menteri semasa beliau membentangkan Rancangan Malaysia Ketujuh.

13. Akhirnya, saya mengucapkan syabas dan tahniah kepada semua peserta kursus. Saya penuh yakin pergaulan selama dua minggu ini antara saudari-saudari semua pasti telah meningkatkan semangat setiakawan dan mengwujudkan satu rangkaian jalinan persahabatan (networking) yang mana jika di gunakan untuk tujuan kebaikan bersama, impaknya akan lebih

luas lagi. Saya juga percaya kursus ini telah dapat menghasilkan resolusi-resolusi diri dan organisasi yang konkrit dan berkesan serta telah menemukan titik-titik persamaan dari segi pandangan-pandangan yang boleh mencetuskan kekuatan bersama wanita. Dengan itu, saya berharap saudara-saudari sekalian dapat meningkatkan sumbangan bagi menjayakan aktiviti BAKTI yang di tujukan bagi manfaat masyarakat dan negara.

14. Marilah kita bersama-sama memainkan peranan sebagai anggota masyarakat yang positif dan berdaya menyumbang ke arah pembangunan negara berlandaskan kepada Wawasan 2020 yang tidak membezakan di antara wanita dan lelaki. Bersama-samalah kita membawa obor kejayaan demi kepentingan negara.

15. Syabas di ucapkan kepada Institut Tadbiran Awam Negara kerana bersama-sama berusaha dengan pertubuhan BAKTI untuk menganjurkan kursus ini. Saya juga mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih kepada Penceramah-Penceramah dan Pembentang-Pembentang sesi kursus, para pesena serta semua pihak yang telah menjayakan kursus ini. Saya yakin usaha seperti ini akan di kekalkan pada masa hadapan supaya teras menyumbangkan untuk mengukuhkan kemantapan rakyat yang berbudaya ikram, penyayang, berkualiti dan bersatu padu.

Puan-Puan dan Para Hadiran Yang di Hormati Sekalian,

KAIN SONGKET TENUNAN ASLI  
 DIHIAS CANTIK ALAS PERABUT  
 ILMU PENGETAHUAN TELAH DI PEROLEHI  
 SEMOGA MENJADI PEDOMAN HIDUP.

ANAK DARA DUA SEBILIK  
 TERUNA TAMPAN INTAI MENGINTAI  
 ILMU DI DADA JADI PENDIDIK  
 SEMOGA PUAN CERDIK DAN PANDAI

16. Dengan pantun itu dan lafaz Bismillahir rahmanirrahim, saya dengan sukacitanya menutup Kursus Khas Ahli-ahli BAKTI dengan rasminya.

Wabillahitaufik walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

\*\*\*\*\*